

23 JUL 2004

INTERAKSI ABDULLAH TERIMA LIPUTAN LUAS MEDIA INDIA

Oleh: Mahesh Prasad

NEW DELHI, 23 Julai (Bernama) -- Interaksi Perdana Menteri Datuk Seri

Abdullah Ahmad Badawi bersama wakil-wakil media dan golongan akademik dari seluruh dunia semasa lawatan beliau ke Amerika Syarikat menerima liputan

lima ruangan dalam media India bersama gambar wajah beliau.

Kenyataan Abdullah bahawa beliau mahu "menampilkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan Islam yang sederhana, yang tidak menggugat mana-mana kumpulan orang daripada agama lain" pasti menambat hati warga India.

Mengenai hubungan Malaysia bersama Amerika Syarikat yang dijelaskan oleh beliau, butir-butirnya turut disiarkan oleh akhbar berbahasa Inggeris The Hindu, adalah lebih kurang sama dengan dasar yang diamalkan oleh India, khususnya berhubung dengan Iraq.

Kenyataan Abdullah bahawa negara-negara membangun memerlukan layanan lebih baik pasti diterima baik di India seperti juga di mana-mana tempat lain di dunia membangun.

Perdana Menteri realistik, apabila beliau berkata: "Pada masa yang sama, kita juga perlu melakukan sesuatu dengan sendiri. Kita tidak boleh sekadar meminta macam-macam dan membuat macam-macam kenyataan."

Ini mungkin pertama kali Abdullah menerima publisiti luas seperti itu dalam akhbar-akhbar India sejak beliau mengambil alih tampuk pemerintahan daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Okt lepas.

-- BERNAMA

MP HS PR